

19 JUL 2000

DR MAHATHIR TEMUI KELUARGA TEBUSAN SAUK, ESOK

IPOH, 19 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali akan menemui tebusan yang terselamat dalam insiden rompakan bersenjata di Bukit Jenalek, di Kuala Kangsar, esok.

Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali berkata Dr Mahathir dijadual menemui Sarjan Mohd Shah Ahmad, petang esok.

Dr Mahathir juga akan menemui keluarga mendiang Sarjan R. Sagadevan, yang terkorban dalam kejadian itu.

Tajol Rosli yang ditemui selepas mesyuarat mingguan exco negeri berkata Perdana Menteri dijangka tiba di Lapangan terbang Sultan Azlan Shah di sini pada kira-kira pukul 3.45 petang dan akan terus dibawa ke Kuala Kangsar untuk tujuan tersebut.

Mohd Shah, 48, merupakan satu-satunya tahanan kumpulan penjenayah Al-Ma'unah yang masih hidup setelah dibebaskan pada 6 Julai lepas sebaik sahaja 27 anggota kumpulan itu menyerah diri.

Seorang lagi tebusan yang dibebaskan, Jaafar Putih, 51, meninggal dunia semalam. Punca kematiannya belum disahkan.

Sagadevan yang merupakan rakan Mohd Shah dari cawangan khas Ibu pejabat Polis Derah Kuala Kangsar dibunuh bersama-sama Mathew anak Medan dari Pasukan Gerak Khas Kem Terendak Melaka oleh kumpulan penjenayah itu ketika mereka berkubu di Bukit Jenalek dari 2 hingga 6 Julai.

-- BERNAMA

PBA LAT